

BAHASA MELAYU
SAMPLE QUESTION PAPER 2026- 2027
SUBJECT CODE - 099
CLASS X

Markah: 80

Masa: 3 Jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

INSTRCTIONS MAY PLEASE CHANGE AS PER EDITED QUESTION PAPER

ARAHAN:

1. Kertas soalan ini mengandungi **empat** bahagian, iaitu **Bahagian A, B, C, dan D**.
2. **Bahagian A** berbentuk pelbagai pilihan (MCQ). Bahagian ini mempunyai 3 soalan, iaitu nombor **1, 2, dan 3**. Anda wajib untuk menjawab semua bahagian tersebut.
3. **Bahagian B** merupakan soalan berbentuk penulisan. Bahagian ini mempunyai 2 soalan, soalan **4 dan 5**. Jawab semua pada soalan 4. Soalan 5 terdiri daripada soalan (a) dan (b), anda hanya perlu pilih satu dan jawab.
4. **Bahagian C** terdiri daripada **Soalan 6, 7, dan 8** yang mengandungi 20 soalan tatabahasa. Anda dikehendaki menjawab semua soalan.
5. **Bahagian D** terdiri daripada **Soalan 9, 10, 11, dan 12**. Semua soalan dalam bahagian ini ialah soalan KOMSAS. Anda dikehendaki menjawab semua soalan.
6. Anda dinasihati supaya mengambil masa untuk menjawab soalan **Bahagian A (50 minit), B (50 minit), C (40 minit), dan D (40 minit)**.
7. Anda dikehendaki menulis jawapan dalam kertas jawapan yang telah disediakan.
8. Anda diberi masa **15 minit** untuk membaca kertas soalan. Anda **tidak** dibenarkan menulis atau membuat sebarang catatan dalam tempoh tersebut.
9. Kertas soalan ini mengandungi **18 muka surat** sahaja.

Bahagian A
(15 Markah)

SOALAN 1

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya.

(Read the passage carefully, then answer the following questions.)

(5 Markah)

Pada cuti penggal yang lalu, saya, Naem, dan Afif telah berkunjung ke rumah sahabat saya di Sarawak. Tujuan kami adalah untuk ke perkampungan rakan kami yang telah berpindah sekolah. Berikut ialah catatan ringkas tentang kunjungan tersebut.

Khamis, 9 Mac 2023

Pukul 8.30 pagi, kami bertiga bertemu di KLIA. Kami menaiki penerbangan pada pukul 9.30 pagi dan tiba di Lapangan Terbang Miri pada pukul 11.45 pagi. Ketibaan kami disambut oleh Steven yang menanti bersama-sama ayahnya.

Pukul 1.00 tengah hari, kami tiba di rumah Steven. Ketibaan kami disambut gembira oleh keluarganya. Kami makan tengah hari dan berehat.

Jumaat, 10 Mac 2023

Steven membawa kami mandi-manda di sungai yang terdapat di belakang rumahnya. Air sungai itu sungguh sejuk dan jernih. Kami dapat melihat ikan seluang berenang-renang.

Kira-kira pukul 2.00 petang, selepas solat zohor, kami dibawa ke dusun. Kami bertiga berbasikal, manakala Steven membonceng motosikal milik ayahnya. Dusun yang terletak dua kilometer dari rumah Steven penuh dengan buah durian, dokong, langsung dan lain-lain. Kami menikmati buah-buahan di dusun itu. Naem makan dengan gelojoh sekali.

Sabtu, 11 Mac 2023

Pukul 9.00 pagi, kami mengikut ayah Steven ke hutan untuk mengambil madu lebah dan mencari rotan untuk dijual. Tiba-tiba, suatu kejadian buruk berlaku. Steven disengat tebuian dan menangis kesakitan.

Kami berasa simpati terhadap Steven. Selepas itu kami terus pulang ke rumah. Rancangan untuk melawat ke Muzium Sarawak pada hari itu terpaksa kami batalkan. Ibu Steven menyapu tempat sengatan dengan kapur sirih. Kami berehat di rumah dan menonton televisyen sahaja.

Ahad, 12 Mac 2023

Bertolak dari rumah Steven. *Berat hati* untuk meninggalkan Steven dan keluarganya yang sangat baik. Kami bersalaman dengan semua.

Kami tiba di KLIA pada pukul 1.00 tengah hari. Penat tetapi gembira. Tidak sabar untuk menceritakan pengalaman ini kepada keluarga.

- I. Pada pukul berapakah penulis dan rakan-rakannya tiba di Sarawak?
- A. 11:45 pagi
 - B. 10:45 pagi
 - C. 1:30 tengah hari
 - D. 1:00 tengah hari
- II. Mengapakah hasrat penulis untuk melawat ke muzium tidak tercapai?
- A. Penulis sakit kepala.
 - B. Penulis menonton televisyen di rumah.
 - C. Steven disengat tebuhan.
 - D. Ayah Steven tidak membenarkan mereka pergi.
- III. Apakah maksud **berat hati** dalam petikan di atas?
- A. Gembira
 - B. Kecewa
 - C. Sedih
 - D. Ketawa
- IV. Apakah aktiviti yang dilakukan oleh penulis dan rakan-rakannya pada 10 Mac 2023?
- A. Mereka mengambil madu di hutan.
 - B. Mereka menunggu Steven di lapangan terbang.
 - C. Mereka berbasikal ke dusun.
 - D. Mereka bertolak dari rumah Steven ke KLIA.
- V. Berikut merupakan tindakan penulis dan rakan-rakannya selepas Steven disengat tebuhan, KECUALI
- A. menikmati buah-buahan yang dipetik dari dusun
 - B. ibu Steven menyapu kapur sirih pada tempat sengatan tebuhan
 - C. berehat di rumah dan menonton televisyen
 - D. terus pulang ke rumah Steven

SOALAN 2

Baca iklan di bawah, kemudian jawab soalan yang berikutnya.

(Read the advertisement carefully, then answer the following questions)

(5 Markah)

PERTANDINGAN BERCERITA

Persatuan Bahasa Malaysia SK Tun Aminah akan menganjurkan pertandingan bercerita sempena Minggu Bahasa Malaysia. Butir-butir pertandingan adalah seperti yang berikut:

Tarikh : 22 Mac 2024

Masa : 8.00 pagi

Tema : Kasih Sayang

Tempat : Dewan Sekolah Wawasan

Peserta : Terbuka kepada murid Tahap 2

Tarikh tutup penyertaan : 01 Mac 2024

Hadiah :

Pemenang pertama – Hadiah wang tunai sebanyak RM 100.00

Pemenang kedua - Hadiah wang tunai sebanyak RM 80.00

Pemenang ketiga - Hadiah wang tunai sebanyak RM 50.00

5 pemenang sagu hati – Hadiah wang tunai sebanyak RM 20.00

Semua pemenang akan diberi sijil penghargaan

Sesiapa yang berminat hendaklah mendapatkan borang penyertaan daripada Cikgu Maisarah.

I. Siapakah penganjur bagi pertandingan bercerita pada tahun 2024?

- A. Cikgu Maisarah
- B. Guru Bahasa Melayu
- C. SK Tun Aminah
- D. Persatuan Bahasa Malaysia SK Tun Aminah

- II. Siapakah yang tidak layak untuk menyertai pertandingan bercerita tersebut?
- A. Kok Ming dari kelas Enam Mawar
 - B. Khairul dari kelas Tiga Baiduri
 - C. Kelvin dari kelas Lima Teratai
 - D. Sharmila dari kelas Empat Melur
- III. Apakah tujuan utama pertandingan ini diadakan?
- A. Untuk memenuhi aktiviti sempena Minggu Bahasa Malaysia di sekolah.
 - B. Untuk memupuk bakat murid-murid dalam bercerita.
 - C. Untuk menyemai semangat kasih sayang dalam kalangan guru dan murid.
 - D. Untuk memilih murid yang bakal mewakili sekolah ke peringkat daerah.
- IV. Berapakah jumlah wang tunai yang ditawarkan kepada pemenang ketiga?
- A. RM 100
 - B. RM 80
 - C. RM 50
 - D. RM 20
- V. Bagaimanakah cara untuk menyertai pertandingan bercerita tersebut?
- A. Mendapatkan borang penyertaan daripada guru kelas masing-masing.
 - B. Mendapatkan borang penyertaan daripada guru penasihat persatuan.
 - C. Mendapatkan borang penyertaan daripada wakil persatuan.
 - D. Mendapatkan borang penyertaan daripada Cikgu Maisarah.

SOALAN 3

Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan berikut.

(Read the passage carefully, then answer the following questions.)

(5 Markah)

Lot 208, Tanjung Gajah,
Kampung Sungai Dusun,
44010 Kuala Kubu Bharu.

Ketua Pengarah,
Pejabat Perlindungan Hidupan Liar (PERHILITAN),
Pusat Konservasi Hidupan Liar Sungai Dusun,
44010 Kuala Kubu Bharu,
Selangor Darul Ehsan.

20 Oktober 2015.

Tuan,

KEGIATAN MEMBURU BINATANG DI HUTAN SIMPAN TANJUNG GAJAH

Merujuk perkara di atas, saya selaku Setiausaha Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, (JKKK) Tanjung Gajah, Mukim Kampung Sungai Dusun memohon agar pihak PERHILITAN dapat mengambil tindakan *drastik* terhadap pemburu-pemburu haram yang memburu binatang di hutan yang berhampiran kampung kami.

2. Sejak akhir-akhir ini, kegiatan memburu binatang yang dilindungi di hutan itu semakin menjadi-jadi. Kami mengesyaki pemburu-pemburu tersebut terdiri daripada orang luar dan memburu binatang secara haram. Beberapa orang penduduk kampung terserempak dengan mereka ketika mencari rotan, damar, petai, durian bukit dan hasil-hasil hutan.

3. Pemburu-pemburu itu hanya memburu pelanduk dan rusa. Tiga hari yang lalu, kami telah terserempak dengan pemburu yang sedang mengandar rusa dan pelanduk untuk dibawa keluar dari hutan semasa kami memikat ayam hutan serta burung punai gading.

4. Saya amat bimbang jika kegiatan ini tidak dikawal, banyak haiwan yang akan dibunuh. Saya berharap agar pihak tuan dapat menyiasat perkara tersebut supaya haiwan-haiwan berkenaan tidak diancam kepupusan akibat kerakusan manusia. Kami juga sedia untuk memberi kerjasama jika pihak tuan memerlukan bantuan.

5. Saya berharap semoga pihak tuan dapat mengatasi kegiatan pemburuan haram ini dengan segera. Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan tugas,

Alif Syukri

(ALIF SYUKRI BIN MANSOR)

Setiausaha,
JKKK, Tanjung Gajah,
Kampung Sungai Dusun.

- I. Apakah mesej yang hendak disampaikan oleh penulis dalam suratnya itu?
- A. Perasaan kecewa
 - B. Perasaan marah
 - C. Perasaan bimbang
 - D. Perasaan gembira
- II. Hutan Simpan Tanjung Gajah menjadi tempat perteduhan bagi binatang-binatang _____.
- A. kancil, rusa, ayam punai dan ayam hutan.
 - B. rusa, ayam hutan, seladang dan pelanduk..
 - C. burung puyuh gading, rusa, pelanduk dan ayam hutan.
 - D. ayam hutan, rusa, seladang dan kancil.
- III. Selain binatang buruan, apakah khazanah hutan yang dijadikan sebagai sumber rezeki?
- A. Cendawan, damar, petai hutan dan madu lebah.
 - B. Nipah, kemenyan, durian bukit dan rotan.
 - C. Petai, akar kayu, buluh dan rotan saga.
 - D. Durian bukit, rotan, damar dan petai.
- IV. Apakah maksud bagi perkataan **drastik** dalam petikan di atas?
- A. sederhana
 - B. lembut
 - C. ringan
 - D. ketat
- V. Semua pernyataan tidak benar tentang petikan surat di atas, KECUALI
- A Penduduk kampung mengandar pelanduk dan rusa yang ditembak oleh pemburu.
 - B. Rusa dan pelanduk menjadi penghuni Hutan Simpan Tanjung Gajah.
 - C. Pemburu mencuri damar dan rotan kepunyaan penduduk kampung.
 - D. Beberapa orang pemburu haram telah ditangkap oleh pihak PERHILITAN.

Bahagian B
(20 Markah)

SOALAN 4

Baca petikan di bawah dengan teliti dan tulis satu ringkasan tentang **kepentingan menjaga kesihatan diri**. Panjang ringkasan hendaklah **tidak melebihi 80 patah perkataan**. Anda digalakkan menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

(Read the passage carefully and write a summary on the importance of maintaining personal health. The summary should be no more than 80 words. You are encouraged to use your own sentences without changing the original meaning of the statement.) **(10 Markah)**

Kesihatan merupakan anugerah Tuhan yang tidak ternilai harganya. Meskipun anda mempunyai duit yang banyak, duit bukanlah jaminan kepada kesihatan yang baik. Oleh hal itu, menjadi kewajipan setiap individu untuk memastikan amalan penjagaan kesihatan diri dipraktikkan dengan sebaik-baiknya.

Apabila kesihatan diri terjaga, kita mampu melakukan pelbagai aktiviti. Contohnya, bermain bola sepak dan beriadah bersama-sama dengan anggota keluarga dan rakan-rakan. Selain itu, kita dapat belajar dengan selesanya kerana mudah menumpukan perhatian sewaktu guru sedang mengajar di dalam kelas. Kesihatan diri yang terjaga juga membolehkan kita berfikir dengan rasional apabila menghadapi sesuatu perkara. Kita akan menjadi lebih kreatif dan inovatif juga.

Individu yang mengutamakan kesihatan diri dapat mengelakkan diri daripada dijangkiti penyakit. Kewujudan pelbagai penyakit yang berbahaya pada hari ini amat menggerunkan semua lapisan masyarakat. Keadaan ini tidak seharusnya dipandang remeh, sebaliknya perlulah dianggap serius dan disusuli dengan langkah yang lebih efektif. Kita disarankan supaya makan sayur-sayuran dan buah-buahan yang membekalkan pelbagai mineral dan vitamin.

Seseorang yang mementingkan kesihatan diri dapat menjimatkan wang juga. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila seseorang menghidap sesuatu penyakit terpaksa mengeluarkan wang yang banyak untuk merawat penyakit yang dihidapnya. Sebaliknya, jika kita sihat, wang yang kita miliki itu dapat digunakan untuk melancong, membuat kebajikan, atau membeli barang keperluan yang lain.

SOALAN 5

Pilih salah satu daripada tajuk di bawah dan tuliskan sebuah karangan. Panjang karangan anda hendaklah **tidak melebihi 150 patah perkataan**.

(10 Markah)

- (a) Persatuan Bahasa Melayu sekolah kamu bercadang untuk mengadakan lawatan ke tempat yang menarik.
Tulis sepucuk surat kepada guru besar untuk meminta kebenaran bagi mengadakan lawatan tersebut.

Tulis surat tersebut selengkapnya.

ATAU

- (b)

Jiran Sepakat Membawa Berkat

Berdasarkan pepatah di atas, tulis sebuah karang yang bertajuk 'Jiran Saya'.

Bahagian C
(20 Markah)

SOALAN 6

Susun semula frasa yang berikut supaya menjadi ayat yang lengkap.

(Rearrange the phrases below to form complete sentences.)

(5 Markah)

- I. sekolah. / Murid-murid / di / mengulang / perpustakaan / sedang /
kaji / pelajaran.

- II. selepas / menghadiri / Haziq / pada setiap hari / kelas tuisyen /
waktu persekolahan.

- III. di / yang ngeri itu / Kemalangan / bangunan lama. / hadapan / berlaku

- IV. sambutan / bergotong-royong / Encik Steven sekeluarga / sempena /
kawasan / Hari Krismas. / membersihkan / rumah

- V. air kelapa. / pesakit / Doktor pakar / minum / menggalakkan /
demam denggi / untuk

SOALAN 7

Pilih jawapan yang paling tepat.

(Choose the correct answer.)

(10 Markah)

- I. Nurlin dan Mathew ialah murid tahun enam. _____ berazam untuk memperoleh 6A dalam UPSR pada tahun ini.
- A. Mereka
 - B. Kalian
 - C. Dia
 - D. Kita
- II. “Tuan puteri sedang berdukacita. _____ mahu beristirahat buat sementara waktu,” sembah dayang.
- A. Hamba
 - B. Beta
 - C. Patik
 - D. Baginda
- III. Penyanyi yang diminati ramai itu mempunyai suara yang sangat _____.
- A. jelas
 - B. kabur
 - C. serak
 - D. merdu
- IV. Datuk Zahid berjaya _____ dunia dengan menaiki kapal layar.
- A. dikelilingi
 - B. mengelilingi
 - C. pekeliling
 - D. berkeliling
- V. Micheal membuka pintu _____ dia menjemput kami masuk.
- A. lalu
 - B. kerana
 - C. jika
 - D. tetapi

- VI. Khairul suka bermain bola sepak, _____ dia malas belajar.
- A. supaya
 - B. sambil
 - C. dan
 - D. tetapi
- VII. Pak Cik Mail sedang _____ beras yang hendak dibeli oleh pelanggannya.
- A. menimbang
 - B. menghitung
 - C. mengira
 - D. membalut
- VIII. Nazriya _____ meluangkan masa selama 30 minit untuk bersenam pada setiap hari.
- A. akan
 - B. pernah
 - C. dapat
 - D. sedang
- IX. Setiap hari Mak Cik Aminah membuat dua _____ kuih untuk dijual di warung Pak Abu.
- A. bakul
 - B. keping
 - C. biji
 - D. potong
- X. Steven akan menjual keretanya _____ sesiapa yang berminat.
- A. daripada
 - B. pada
 - C. dengan
 - D. kepada

SOALAN 8

Pilih peribahasa yang paling sesuai untuk mengisi pernyataan di bawah.

(5 Markah)

- ✓ anak tunggal
- ✓ bagai anjing dengan kucing
- ✓ seperti katak di bawah tempurung
- ✓ mendengar guruh di langit, air di tempayan dicurahkan
- ✓ iri hati

- I. Ai Lin tidak mengetahui hal ehwal semasa negara kerana dia tidak suka membaca surat khabar. Peribahasa yang paling sesuai untuk menggambarkan situasi di atas ialah _____.
- II. Peribahasa yang membawa maksud mengharapkan sesuatu yang belum tentu lagi menjadi kenyataan ialah _____.
- III. Jaydon tidak mempunyai kakak dan adik. Dia ialah _____ dalam keluarga tersebut.
- IV. Mysara dan Juliana _____ kerana sering bergaduh walaupun hal yang kecil.
- V. Firdaus berasa _____ kerana tidak diundang ke majlis hari lahir rakan baiknya..

Bahagian D
(25 Markah)

Bahagian ini terdiri daripada empat bahagian. Anda dikehendaki menjawab semua soalan.
(This section consists of four parts. You are required to answer all questions.)

SOALAN 9

Baca syair Burung Nuri di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan berikutnya.
(Read the poem below carefully, then answer the following questions.)

(5 Markah)

Bermula warkah surat rencana,
Ikatan fakir yang sangat hina,
Sajak dan nazam banyak tak kena,
Daripada pendapat kurang sempurna.

Sudahlah nasib untung yang malang,
Mengambah lautan berulang-ulang,
Mudaratnya bukan lagi kepalang,
Senantiasanya di dalam Nasib dan walang.

Gerangan sungguh amatlah leta,
Perinya akal gelap-gelita,
Hemat pun rendah daif berserta,
Tambahan badan miskin dan nista.

Hanyutlah badan ke sana ke mari,
Segenap pesisir desa negeri,
Bertambahlah pula sopan dan negeri,
Santap nan tidak minum pun kari.

Beribu ampun kiranya tuan,
Atasnya hulu fakir nistawan,
Daripada masyghul gundah merawan,
Terperilah madah patik nin tuan.

Bangun terjunan badan suatu,
Gundahlah fikir tiada tertentu,
Laksana cermin jatuh ke batu,
Remuk dan redam hancur di situ.

Dituliskan sahifah supaya nyata,
Barang yang ghairah di dalam cerita,
Terfikir-fikir bukan menderita,
Dakwat dan kertas tempat berkata.

Remuk dan redam rasanya hati,
Lenyaplah fikir budi pekerti,
Jikalau kiranya hamba turuti,
Daripada hidup sebaiknya mati.

Mohd Yusof Md Nor dan Abd Rahman Kaeh
(Penyelenggara)
Antalogi Bintang Hati, 2016.

- I. Apakah tema syair di atas?
- A. Kepentingan memiliki ilmu pengetahuan
 - B. Adab dalam kehidupan seseorang
 - C. Rasional dalam berfikir dan membuat tindakan
 - D. Kebijaksanaan dalam mengawal diri ketika bercinta

- II. Berikut merupakan ciri-ciri syair di atas, **KECUALI**
- A. Syair ini terdiri daripada 7 rangkap.
 - B. Semua baris merupakan maksud.
 - C. Terdiri daripada 4 baris serangkap.
 - D. Bentuk syair ini terikat.
- III. Berdasarkan rangkap syair di atas, apakah persoalan yang paling tepat dengan rangkap keempat syair di atas?
- A. Kebijaksanaan dalam berkata-kata
 - B. Bersikap rasional dalam setiap tindakan
 - C. Kepentingan bercakap benar dalam setiap perkara
 - D. Perasaan merendah diri yang ditunjukkan oleh penyair
- IV. Antara berikut, apakah nilai yang dapat dilihat dalam rangkap kelima?
- A. Kesedaran
 - B. Hemah tinggi
 - C. Kebijaksanaan
 - D. Rasional

Maksud: Penyair mengisahkan kehidupannya terumbang-ambing tanpa arah tuju, tidak terurus hingga melupakan makan dan minum.

- V. Ayat di atas merupakan maksud yang disampaikan dalam syair di atas. Rangkap yang manakah menepati dan mendukung maksud yang dinyatakan di atas?
- A. Rangkap ke-3
 - B. Rangkap ke-4
 - C. Rangkap ke-6
 - D. Rangkap ke-8

SOALAN 10

Baca sajak di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya.
(Read the poem below carefully, then answer the following questions.)

(5 Markah)

Bintang

Suatu malam aku duduk
di halaman rumah
kulihat cantiknya bintang-bintang
menghias langit yang terbentang
aku ingin terbang ke sana
membawa pulang bintang-bintang
tentu ibu gembira
tentu ayah gembira
melihat rumah ini
penuh dengan cahaya.

Tetapi kata ibu
itu tidak perlu
ayah sudah ada bintang
begitu juga ibu
rumah sudah bercahaya
begitu juga jiwa mereka
bintang itu adalah aku
bintang hati ayah dan ibu.

(Siti Zaleha M. Hashim
Antalogi *Bintang Hati*, 2016)

- i. Apakah yang dimaksudkan dengan rangkai kata “membawa pulang bintang-bintang” dalam rangkap pertama? (1 Markah)
- ii. Huraikan satu persoalan yang terdapat dalam Sajak “*Bintang*”. (2 Markah)
- iii. Jelaskan dua gaya bahasa bersama-sama contoh dalam sajak “*Bintang*”. (2 Markah)

SOALAN 11

Baca petikan prosa di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya.

(Read the passage below carefully, then answer the following questions.)

(9 markah)

Maka hari pun petanglah. Maka Si Miskin itu tiada undur dari situ lagi. Di sanalah ia tidur. Maka hari pun sianglah. Maka pagi-pagi hari maka Si Miskin pun pergi berjalan dua laki isteri maka bertemulah dengan orang. Maka dilihatnya Si Miskin itu segera mereka mengambil kayu. Maka dilontarnya dan dipalunya Si Miskin dua laki isteri itu. Maka ia pun larilah membawa dirinya dengan berlumuran darah. Maka kata isterinya, “Wahai kakanda, sangatlah rasa tubuhku tiada berdaya lagi, hancurlah segala anggotaku.”

Maka terlalu belas rasanya hati suaminya melihat laku isterinya maka ia pun turut menangis seraya mengambil daun kayu, dimandikannya maka disapunya seluruh tubuh isterinya sambil berkata, “Diamlah tuan, jangan menangis. Sudahlah untung kita ini rupanya.” Maka isterinya pun diamlah.

(Dipetik daripada prosa tradisional “Bahagia Sesudah Derita” dalam antologi Bintang hati, Tingkatan 3, Kementerian Pendidikan Malaysia)

I. Berdasarkan petikan di atas, jelaskan satu perwatakan Si Miskin dan isterinya.

(3 markah)

II. Huraikan dua latar masyarakat berdasarkan teks di atas.

(3 markah)

III. Nilai hormat-menghormati amatlah penting dalam kehidupan manusia.

Pada pendapat anda, bagaimanakah cara untuk memupuk nilai hormat-menghormati dalam kalangan masyarakat?

(3 markah)

SOALAN 12

Berdasarkan kajian Antologi Bintang Hati huraikan **tiga nilai** yang terdapat dalam cerpen “Sekeping Tanah”, karya *A. Rahman C.M.*

(6 Markah)

KERTAS SOALAN TAMAT